

# Musibah tapir melintas

■ **PERHILITAN** rekod 40 haiwan mati dirempuh sejak 5 tahun lalu

Mohd Jamil Anbia Md Denin  
anbia@hmetro.com.my

## Kuala Lumpur

Angka menggusarkan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia apabila 40 tapir mati akibat dirempuh kenderaan sejak lima tahun lalu.

Jumlah itu dianggap besar berbanding kematian haiwan liar dilindungi lain apatah lagi jumlah kes tapir atau nama saintifiknya *Tapirus indicus* mati kemalangan terus meningkat.

Ketua Pengarah Perhilitan Datuk Abdul Kadir Abu Hashim berkata, peningkatan kes tapir terbunuh akibat dilanggar kenderaan sejak kebelakangan ini petanda aras kepada isu kemusnahan alam sekitar.

Menurutnya, habitat haiwan itu yang semakin mengecil menyebabkan tapir merayau keluar dari habitat asal ke kawasan lebuhraya, perumahan dan ladang pertanian.

"Berdasar tinjauan, kemunculan tapir di kawasan terbuka ada kaitan dengan isu penerokaan hutan dan pembalakan di lokasi berhampiran.

"Tapir mudah panik dan merayau apabila habitat asalnya diganggu. Ini termasuk kawasan hutan simpan yang diterokai secara haram oleh pihak tertentu," katanya ketika ditemui warta-

KAKITANGAN PERHILITAN Pahang mengukur tapir jantan yang mati selepas dirempuh kereta di Kilometer 25, Jalan Kuantan-Gambang berhampiran Kampung Seri Fajar.

wan Harian Metro, semalam.

Menurutnya, kes kematian Tapir akibat kemalangan paling banyak berlaku di Shah Alam, Selangor dan Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) Terengganu.

"Sifat Tapir agak aneh berikutan haiwan ini tidak melarikan diri sekiranya terserempak kenderaan seperti lori atau kereta. Sebaliknya

haiwan ini hanya akan lari bila terlihat manusia.

"Ini antara punca tapir kerap mati akibat dilanggar kenderaan yang gagal mengelak haiwan ini," katanya.

Kadir berkata, individu yang terserempak haiwan liar itu dinasihatkan tidak melakukan provokasi atau cuba menangkapnya.

"Tapir bukan haiwan ganas seperti harimau. Tidak perlu tangkap atau diikat. Cukup dengan mengalu-nya kembali ke hutan berhampiran.

"Jika haiwan ini cedera atau terperangkap, orang ramai boleh menghubungi talian hotline Perhilitan iaitu 1800885151 yang beroperasi setiap hari. Jika gagal, hubungi Pengarah Perhilitan negeri bagi mendapatkan bantuan," katanya.

Menurutnya, PERHILITAN sentiasa memastikan populasi tapir tidak terjejas melalui usaha pemuliharaan yang lebih efektif di Pusat Konservasi Hidupan Liar Sungai Dusun, Hulu Selangor.



**info**

**ANTARA KES TAPIR MATI DILANGGAR KENDERAAN**

**3 November 2017**  
Seekor tapir mati dirempuh sebuah kereta ketika melintas jalan berhampiran hutan di Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) dekat Plaza Tol Chukai, Terengganu.

**29 Oktober 2017**  
Seekor tapir ditemui mati selepas dilanggar sebuah kenderaan di tepi jalan di Jalan Jeli-Dabong, dekat Kampung Renyuk, Jeli, Kelantan.

**25 Ogos 2017**  
Dua tapir mati selepas dilanggar kenderaan di Jalan Pintasan Kuantan-Gebeng, Kuantan, Pahang ketika cuba melintas jalan.

**4 April 2017**  
Seekor tapir ditemui mati di tepi jalan berhampiran Simpang Slow Temiang, Kuala Krai di sini.

**17 Februari 2017**  
Bangkai seekor tapir dewasa ditemui mati di tepi jalan Kampung Labohan, Keroh, Terengganu akibat dilanggar kenderaan.



ANGGOTA Pertahanan Awam (APM) menyelamatkan tapir yang ditemui penduduk di Kampung Charok Kelian, Baling, Kedah.

HM-41 10/11

TAPIR mati dirempuh kereta di Kilometer 281.8 Lebuhraya Pantai Timur 2 dekat Plaza Tol Chukai.